

Keberkesanan Penggunaan Terminologi Kejurulatihan Sukan dalam Meningkatkan Penguasaan Kemahiran Bahasa Inggeris-Lisan (BI-L) Murid

Mat Berahim* & Zul Aizan Yassin

Jabatan Pendidikan Jasmani dan Kesihatan, Institut Pendidikan Guru Kampus Dato' Razali Ismail, 21030 Kuala Nerus, Terengganu Darul Iman, Malaysia

ABSTRAK

Bahasa merupakan kaedah untuk berkongsi maklumat dari segi aplikasi terminologi dalam sukan dan ianya dapat digunakan untuk meningkatkan pemahaman, pelaksanaan dan kepekaan pemain. Kajian ini bertujuan mengenalpasti tahap keberkesanan penggunaan terminologi sukan dan PdPc mata pelajaran Pendidikan Jasmani (PJ) dalam meningkatkan tahap penggunaan kemahiran Bahasa Inggeris-Lisan (BI-L) dalam kalangan murid tingkatan satu dan dua SMK. Dato' Mahmud Paduka Raja 2 (SMKDMPR2), Tanah Merah Kelantan. Kajian berbentuk separa eksperimen yang menjadikan program intensif PdPc BI-L selama lapan minggu berdasarkan analisis kajian sebelum dan kajian selepas. Analisis ujian-t dan kolerasi digunakan bagi mengenalpasti perbezaan dan hubungan keberkesanan program yang dijalankan dalam kajian. Hasil kajian mendapati program intensif BI-L yang dijalankan menunjukkan seramai N=223 sampel (84.5%) mencatatkan peningkatan peratus lulus dalam ujian lisan Bahasa Inggeris pada ujian post test berbanding 105 sampel (39.8%) lulus dalam ujian lisan Bahasa Inggeris pada ujian pre test. Ini menunjukkan peningkatan peratus lulus sebanyak 44.7% dalam kedua-dua ujian yang dijalankan. Analisis kolerasi menunjukkan nilai (N=264: $r = 0.632$, $sig = .003$). Nilai kolerasi adalah rendah tetapi kajian ini mendapati nilai signifikan adalah sederhana = .003. Manakala analisis ujian-t menunjukkan nilai (N=264: $t = -14.251$, $sig. = .001$). Kajian menunjukkan berlaku perbezaan yang signifikan dalam penggunaan BI-L dalam kalangan murid tingkatan satu dan dua dalam Pengajaran dan Pemudahcaraan (PdPc) PJ. Dapatan kajian menunjukkan bahawa melalui penerapan BI-L mata pelajaran PJ dapat membantu meningkatkan kemahiran lisan Bahasa Inggeris dalam kalangan murid tingkatan satu dan dua. Implikasi dan cadangan kajian dikemukakan bagi membuktikan bahawa PdPc PJ mampu meningkatkan kemahiran BI lisan murid di sekolah. Justeru itu, satu modul ringkas dikemukakan untuk rujukan kepada guru PJ.

Kata Kunci: Pendidikan Jasmani, Bahasa Inggeris Lisan, Terminologi, Keberkesanan PdPc

ABSTRACT

Language is a method of sharing information in terms of the application of terminology in sports and it can be used to improve the understanding, execution and sensitivity of players. This study aims to identify the level of effectiveness of the use of sports terminology and PdPc Physical Education (PE) subject in improving the level of use of English-Oral (EO) skills among form one and two students of SMK. Dato 'Mahmud Paduka Raja 2 (SMKDMPR2), Tanah Merah, Kelantan. A quasi-experimental study was conducted using an intensive PdPc BI-L program for eight weeks based on pre-test and post-test analysis. T-test and correlation analysis were used to identify differences and relationships in the effectiveness of the programs conducted in the study. The results of the study found that the intensive BI-L program conducted showed a total of N = 223 samples (84.5%) recorded an increase in the percentage of passing in the English oral test on the post test compared to 105 samples (39.8%) passed in the English oral test on the pre test. This shows an increase in the pass percentage of 44.7% in both tests conducted. Correlation analysis showed a value (N = 264: $r = 0.632$, $sig = .003$). The correlation value was low but this study found a high significant value = .001. While the t -test analysis showed a value (N = 264: $t = 14.251$, $sig. = .001$). The study showed that there were significant differences in the use of EO among form one and two students in TnL PE. This shows that the application of EO in PE subjects can help improve English oral skills among form one and two students. Several implications and research recommendations are presented to improve oral English proficiency through the use of sports terminology in Physical Education subjects.

Keywords: Physical Education, Oral English, Terminology, T&L Effectiveness

* Corresponding author: matberahim@ipgkdri.edu.my
eISSN: 2462-2079 © Universiti Putra Malaysia Press

PENGENALAN

Kajian ini adalah kesinambungan dan implikasi pelaksanaan Pengajaran dan Pembelajaran Sains dan Matematik dalam Bahasa Inggeris (PPSMI) yang kurang mendatangkan impak kepada murid-murid di bawah kurikulum Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM). Penggunaan Bahasa Inggeris (BI) dalam mata pelajaran Sains dan Matematik diperkenalkan pada tahun 2003 dan berakhir pada tahun 2012. Tujuan utama KPM memperkenalkan PPSMI adalah untuk membudayakan dan memartabatkan BI dalam kalangan murid dan masyarakat Malaysia tetapi dipertikaikan (Nor Hashimah, 2005). Salah satu faktor kegagalan PPSMI adalah kerana murid perlu menguasai BI bagi mempelajari mata pelajaran Sains dan Matematik (Lim, 2009).

Kajian ini mempunyai matlamat yang hampir sama dengan PPSMI tetapi melakukan perubahan dengan memilih mata pelajaran Pendidikan Jasmani (PJ) dalam usaha untuk membudayakan murid menggunakan BI. Pemilihan PJ sebagai perantaraan dalam usaha membudayakan BI dalam kalangan murid. Dalam pengajaran dan pemudah caraan (PdPc) PJ terdapat terminologi-terminologi BI yang sering diguna pakai apabila murid-murid terlibat dalam aktiviti sukan dan aktiviti-aktiviti fizikal. Contoh penggunaan terminologi yang digunakan seperti *servis, passing, tackle, cross, start, striker, defend, player* dan sebagainya.

Penggunaan BI merupakan salah satu keperluan komunikasi kepada masyarakat Malaysia dalam hampir semua sektor samada ekonomi, pendidikan, pekerjaan terutama yang melibatkan pihak swasta (Rashidah Rahmat, 2013). Tahap kefasihan BI seseorang akan memberi kelebihan untuk memperolehi sesuatu impian yang ingin dicapai oleh seseorang individu (Liu, 2011). Sekolah merupakan institusi yang mampu mengajar, mendidik dan membudayakan seseorang murid menguasai BI (Ringe, Donald & Taylor, 2014).

Terminologi ini bukan sahaja diketahui dan difahami oleh murid-murid bandar tetapi hampir semua murid tahu termasuk murid orang asli (Aliza, 2012). Pengetahuan tentang terminologi ini diperolehi kerana murid tersebut terlibat secara formal atau tidak formal dalam aktiviti PdPc (Fauziah, 2009). Oleh yang demikian, kajian ini bertujuan mengenalpasti sejauh mana keberkesanan PdPc PJ menggunakan terminologi sukan dapat membantu meningkatkan kemahiran BI-L dalam kalangan murid tingkatan satu dan dua SMKDMPR2. Dapatan kajian ini diharapkan dapat memberikan sedikit petunjuk bahawa mata pelajaran PJ mampu membudayakan penggunaan BI-L dalam kalangan murid di Malaysia.

Objektif Kajian

Secara khusus, objektif kajian ini adalah untuk:

1. Menganalisis keberkesanan PdPc PJ dalam BI-L di kalangan pelajar sekolah rendah dan menengah.
2. Menenalpasti kesesuaian PdPc PJ dalam usaha meningkatkan prestasi kemahiran lisan BI.
3. Menghasilkan satu Modul Program PdPc PJBI-L dalam mata pelajaran Pendidikan Jasmani.

Kerangka Teori

Menurut Illeris (2018), pembelajaran terdiri daripada dua proses asas dan tiga dimensi. Proses interaksi luaran dan dalaman adalah berbeza antara individu dengan individu yang lain. Proses luaran melibatkan persekitaran sosial, budaya dan meterial. Manakala proses psikologi dalaman mengutamakan pada penjelasan dan hasil dapatan pengurusan kandungan pembelajaran dan insentif peruntukan tenaga mental (Ngo, 2015).

Pendekatan konstruktivis yang berkaitan dengan pengajaran dan pembelajaran seperti yang dibuktikan oleh von Glaserfeld (1989), menunjukkan bahawa murid adalah peserta yang aktif dalam proses pembelajaran dan guru berperanan besar bagi menentukan kejayaan murid dalam pembelajaran. Kebanyakan teori pembelajaran memberi penekanan kepada proses pemahaman tentang pembelajaran. Peranan faktor proses dalaman dan luaran individu perlu dipertimbangkan (Ngo, 2015).

Dalam kajian ini penekanan diberikan kepada teori pembelajaran dengan mengambil kira dua faktor iaitu tahap pengetahuan sedia ada murid iaitu pengetahuan dan kemahiran dalam aspek sukan dan tahap pengetahuan sedia ada penggunaan BI sama ada ketika bersukan atau aktiviti harian normal murid. Walau bagaimanapun pengkaji memilih teori pembelajaran yang dikemukakan oleh Piaget (1951) dan Vygotsky (1935). Teori ini sesuai digunakan kerana melibatkan pembelajaran di peringkat asas penguasaan kemahiran pembelajaran yang lebih mudah serta senang difahami.

Teori Kogniti Piaget, J (1951)

Teori kognitif merupakan proses mental yang memainkan peranan penting dalam penguasaan lisan. Menurut Piaget (1951), perkembangan bahasa murid berkait rapat dengan perkembangan mentalnya. Menurut Maslow

(1954) berpendapat, kemahiran mendengar lisan merupakan kemahiran kognitif asas bahasa. Teori ini juga menganggap kemahiran lisan sebagai suatu pengumpulan, memproses serta menggunakan maklumat. Teori ini di sokong oleh kajian Rashidah Rahmat (2013).

Menurut Piaget (1951), manusia memiliki peringkat otak (mental) dan saraf yang tinggi. Otak manusia mempunyai kebolehan untuk mempelajari pelbagai perkara. Menurut perspektif ilmu psikologi perkembangan kognitif, kanak-kanak sejak lahir cuba memberi 'makna' kepada pengalamannya termasuk bahasa. Bentuk bahasa lisan yang bermakna ialah perkataan-perkataan dan ayat yang dituturkan oleh ibu bapa atau orang di sekeliling mereka. Oleh yang demikian pengkaji menggunakan teori ini kerana kebanyakan sampel yang dikaji telah terdedah dengan faktor persekitaran iaitu sampel terlibat dengan terminologi-terminologi sukan dan mendengar dari media elektronik seperti TV, telefon bimbit dan sumber alam internet.

Teori Psikososial Vygotsky (1935)

Teori Vygotsky (1896-1934) adalah asas kepada teori yang menekankan konsep sosiobudaya dalam proses pembelajaran manusia. Penguasaan bahasa murid sekolah berbeza walaupun berada dalam tahap umur yang sama. Faktor ini dipengaruhi oleh persekitaran sosial dan budaya keluarga serta masyarakat setempat di mana murid memperoleh bahasanya (Fauziah, 2009). Ini menunjukkan bahawa dalam menguasai kemahiran lisan berkomunikasi amalan-amalan sosial budaya (sukan) merupakan salah satu ejen yang mempengaruhi kemahiran lisan seseorang individu.

Teori Sosiobudaya Vygotsky (1935), menekankan konsep *scaffolding* atau *arahan langsung* merupakan kaedah pembelajaran yang amat tepat dan bersesuaian bagi memupuk pembelajaran kemahiran bahasa lisan murid. Teori ini juga memberi penekanan pada gaya pengajaran dan pembelajaran kanak-kanak untuk menyelesaikan masalah membaca yang bukan secara mekanis semata-mata tetapi melibatkan juga proses mental dan sosiobudaya (Noradzleena, 2021). Penerapan teori ini dalam kajian amat sesuai terutama kepada guru PJ yang sentiasa memberi arahan kepada murid dalam sesi PdPc PJ iaitu arahan untuk menukar cara berkomunikasi bahasa lisan BM kepada bahasa BI yang mudah dan ringkas.

SOROTAN KAJIAN LAMPAU

Dalam mata pelajaran PJ, guru kerap menggunakan terminologi kejurulatihan sukan semasa sesi PdPc terutama PdPc yang melibatkan bahagian tunjang permainan (Sidek Mohd Noah & Jamaluddin Ahmad, 2005). Terminologi yang digunakan sebahagiannya adalah dalam BI. Walaupun guru PJ menggunakan BI, pelajar tahu menyebut dan memahami terminologi BI yang digunakan oleh guru PJ seperti *stretching*, *warm up*, *warm down*, *stress*, *stik*, *game*, *racket*, *net* dan sebagainya.

Tahap pengetahuan sedia ada murid terhadap sesuatu terminologi mampu memudahkan murid menguasai kemahiran bahasa (Noradzleena Wahab, 2021). Oleh yang demikian peranan guru PJ adalah amat penting untuk membudayakan penggunaan BI-L dalam kalangan murid. Penggunaan terminologi ini bukan dihadkan semasa sesi PdPc PJ sahaja tetapi boleh diteruskan oleh guru mata pelajaran lain terutama guru yang mengajar BI. Sikap berkerjasama antara guru PJ dengan guru BI serta dibantu oleh guru-guru mata pelajaran lain mampu merealisasikan matlamat membudayakan BI-L di kalangan pelajar (Crystal, 2013).

METODOLOGI KAJIAN

Reka bentuk kajian adalah untuk mengenalpasti tahap keberkesanan penggunaan BI-L dalam mata pelajaran PJ dalam sesi PdPc. Oleh itu reka bentuk kajian yang sesuai adalah ujian eksperimental dengan membentuk satu program kajian terhadap guru-guru PJ (Syed Kamaruzaman & Julismah Ali, 2014) dan semua murid tingkatan satu dan dua PJ. Penerangan program latihan dilakukan terhadap guru dan murid sebelum program kajian dilaksanakan. Ini bagi membantu menghasilkan kajian yang lebih signifikan. Pemahaman sampel terhadap objektif sesuatu kajian mampu meningkatkan standard sesuatu penyelidikan (Sanjaya & Wina, 2013).

Kajian ini memfokuskan pada aspek kemahiran BI-L iaitu kemahiran berkomunikasi menyebut menggunakan BI. Pelajar hanya perlu bercakap BI-L dengan cara yang paling mudah dan ringkas iaitu dengan hanya menyebut terminologi BI atau bercakap dengan ayat yang paling mudah dan ringkas. Murid juga dibenarkan menggunakan BI dengan mencampurkan dengan Bahasa Malaysia (BM) atau bahasa loghat masing-masing. Walau bagaimanapun, guru PJ perlu menjadi pemudahcara dan membetulkan kesilapan pelajar serta sering memberi ganjaran (pujian) kepada pelajar yang menggunakan BI-L semasa sesi PdPc PJ berlangsung. Pelajar yang mendapat pujian akan lebih seronok untuk belajar (Aliza Ali, 2012). Kajian BI-L hanya memberi penekanan kepada kemahiran lisan tidak melibatkan kemahiran menulis atau membaca BI. Contoh perkataan mudah:

Contoh ayat mudah:

Play	I play
Game	Go game
Team	You team B
Start	I start

Pengkaji melakukan pemantauan terhadap guru-guru dan murid berkaitan program kajian yang dilaksanakan. Pemantauan berdasarkan objektif utama kajian iaitu penerapan penggunaan BI-L dalam sesi PdPc mata pelajaran PJ. Selama lapan minggu program kajian dijalankan dan sepanjang tempoh program pengkaji melakukan penambahbaikan kepada guru-guru PJ bagi memenuhi prosedur dan objektif yang dimatlamatkan. Mengenalpasti pelaksanaan prosedur kajian yang dijalankan mampu mengemukakan data kajian yang tepat (Aliza et al., 2014).

Kajian ini melibatkan 264 (78.1%) dari 338 keseluruhan murid tingkatan satu dan dua SMKDMPR2. Murid kajian dinamakan sebagai sampel kajian. Sampel kajian terdiri dari murid lelaki (107 murid) dan murid perempuan (117 murid) dan beragama Islam. Latar belakang penjaga sampel adalah dari pelbagai sosial budaya seperti penjawat awam, pekerja swasta, berkerja sendiri dan penoreh getah. Kebanyakan sampel kajian terlibat dalam aktiviti sukan sama ada secara formal atau tidak formal dan sampel kajian mempunyai tahap penguasaan BI yang minimum terutama sampel-sampel dari kelas terbelakang. Tahap penguasaan BI murid-murid sekolah di Kelantan adalah rendah (Rashidah, 2013). Justeru itu pemilihan sampel daripada murid yang bersekolah di Tanah Merah Kelantan adalah bertepatan dengan objektif kajian berkaitan penguasaan BI yang dijalankan.

JADUAL 1
Jumlah Sampel Kajian Mengikut Jantina

Lelaki	Perempuan	Jumlah
107 (40.5)	117 (59.5)	264

Instrumen kajian ini menggunakan soalan-soalan yang diadaptasikan daripada Aliza dan Zamri (2014). Walau bagaimanapun instrumen tersebut telah diubahsuai dari segi BM kepada terminologi BI. Pengubahsuaian juga diubahkan kepada terminologi yang kerap digunakan dalam dunia kejurulatihan sukan. Instrumen yang digunakan adalah berbentuk soalan ujian lisan. Terdapat 30 soalan ujian yang perlu dijawab oleh sampel. Sampel tidak perlu menulis dalam bahasa BI, sampel hanya perlu mendengar soalan yang dibaca oleh guru PJ dan menjawab dalam BM. Penilaian sampel berdasarkan jawapan yang dikemukakan pada soalan ujian. Pengkaji hanya menetapkan dua skala dalam penilaian ujian iaitu LULUS dan GAGAL. Kajian ini menggunakan instrumen ujian yang sama dalam ujian *pre test* dan ujian *post test*. Data dikumpulkan berdasarkan keputusan ujian LULUS dan GAGAL sampel. Terdapat tiga ujian yang digunakan dalam kajian ini iaitu ujian rintis N=30, *pre test* N=264 dan *post test* N=264.

Intervensi Kajian - Modul PJBI-lisan

Pengenalan Modul PJBI-lisan

Kaedah PdPc Pendidikan Jasmani menggunakan Bahasa Inggeris. Modul PJBI-lisan adalah gabungan PdPc dua mata pelajaran iaitu Pendidikan Jasmani dan Bahasa Inggeris. Modul PJBI-lisan berorientasikan Teori Kognitif & Teori Behaviour pengajaran dan pembelajaran. Modul PJBI-lisan disasarkan kepada murid sekolah-sekolah di bawah Kementerian Pelajaran Malaysia. Modul PJBI-lisan hanya digunakan semasa sesi PdPc PJ sahaja. Guru PJ sebagai pelaksana, pengamal, fasilitator dan memantau modul PJBI-lisan. Murid sekolah rendah dan menengah KPM sebagai pelaksana dan pengamal Modul PJBI-lisan.

Objektif Modul PJBI-lisan

1. Kaedah PdPc Pendidikan Jasmani menggunakan Bahasa Inggeris.
2. Modul PJBI-lisan adalah gabungan PdPc dua mata pelajaran iaitu Pendidikan Jasmani dan Bahasa Inggeris.
3. Modul PJBI-lisan berorientasikan Teori Kognitif & Teori Behaviorisma pengajaran dan pembelajaran.
4. Modul PJBI-lisan disasarkan kepada murid dan pelajar sekolah-sekolah di bawah KPM.
5. Modul PJBI-lisan hanya digunakan semasa sesi PdPc PJ sahaja.
6. Guru PJ sebagai pelaksana, pengamal, fasilitator dan memantau modul PJBI-lisan.
7. Murid dan pelajar sebagai pelaksana dan pengamal Modul PJBI-lisan.

Visi Modul PJBI-lisan

Untuk meningkatkan pencapaian prestasi BAHASA INGGERIS terutama dalam kemahiran komunikasi dan interaksi kemahiran lisan murid sekolah rendah dan menengah di Malaysia serta memartabatkan guru PJ di sekolah.

Misi Modul PJBI-lisan

Membentuk budaya berkomunikasi dan interaksi kemahiran lisan BAHASA INGGERIS dalam kalangan murid, guru dan masyarakat Malaysia serta menjadikan aktiviti bersukan satu keperluan bagi setiap individu.

Sasaran Modul PJBI-lisan

Sasaran penggunaan MPJBI-lisan melibatkan semua sekolah di Kementerian Pendidikan Malaysia iaitu kepada murid-murid:

1. Sekolah Rendah Kebangsaan
2. Sekolah Rendah Jenis Kebangsaan
3. Sekolah Menengah Kebangsaan
4. Sekolah Agama Rendah
5. Sekolah Agama Menengah

Instrumen Modul PJBI-lisan

JADUAL 5

Contoh Peralatan Sukan Mengikut Sukatan Pelajaran

TINGKATAN	PERALATAN SUKAN MENGIKUT SUKATAN PELAJARAN
1	Gimnastik Asas, Bola Sepak, Bola Jaring, Bola Tampar, Sepak Takraw & Badminton.
2	Gimnastik Asas, Bola Baling, Ragbi Sentuh, Kriket, Jalan Kaki, Lompat Jauh & Merejam Lembing.

Prosedur Modul PJBI-lisan

Bermula dengan jadual waktu PdPc PJ setiap darjah atau tingkatan.

Prosedur 1: Modul PJBI-lisan bermula dengan arahan mudah menggunakan BI bermula semasa melakukan aktiviti fizikal 'warm up'.

Prosedur 2: Guru memberi arahan dalam Bahasa Inggeris sepanjang pengajaran tetapi akan menggunakan bahasa melayu jika terdapat murid yang kurang faham tentang arahan.

Prosedur 3: Murid diwajibkan menggunakan Bahasa Inggeris sepanjang pembelajaran.

Prosedur 4: Murid diajar bercakap dengan menggunakan perkataan yang sering disebut dalam sukan yang dilakukan.

Prosedur 5: Murid dilatih bercakap ayat-ayat BI yang paling ringkas, mudah dan menggunakan perkataan dan ayat-ayat berdasarkan aktiviti PdPc PJ yang sedang dijalankan.

Kesesuaian Modul PJBI-lisan Dalam PJ dan BI

1. BI-L menjadi bahasa pertuturan turun temurun dalam aktiviti sukan dan permainan.
2. Murid sering menggunakan BI-L semasa terlibat dalam aktiviti sukan dan permainan.
3. Murid telah dibudayakan dengan istilah BI-L dalam aktiviti sukan dan permainan.
4. Perkataan BI lebih mudah & ringkas berbanding BM.
5. Murid lebih mengetahui dan memahami perkataan BI berbanding BM dalam 'istilah bahasa sukan'

Terminologi BI Modul PJB-lisan bagi Kemahiran Sukan

JADUAL 6

Contoh Terminologi BI Modul PJB-lisan bagi Kemahiran Sukan Bola Sepak

PERALATAN & MASA	TERMINOLOGI DALAM SUKAN BOLA SEPAK
Peralatan	<i>Jersey, number, captain, boots,</i>
Sebelum Perlawanan	<i>Training, game, formation, player, searching, warm up, referee, defend, midfield, striker, lineman, goal, keeper, last man, defender.</i>
Semasa Perlawanan	<i>Out, foul, play, tackle, shot, go, passing, cross, dribble, offside, back, heading, sliding, slow, free kick, corner, penalty, relax, control, touch, wall, hand ball, ball hand, give up, sharp, target, first half, second half, try.</i>
Selepas Perlawanan	<i>Warm down, steady, good, draw.</i>

JADUAL 7

Contoh Terminologi BI Modul PJB-lisan bagi Kemahiran Sukan Badminton

PERALATAN & MASA	TERMINOLOGI DALAM SUKAN BADMINTON
Peralatan	<i>Racket, stokin, jersey, double, single, court, net</i>
Sebelum Perlawanan	<i>Training, game, tactical, player, partner, searching, warm up, referee, defend, midfield, striker & lineman.</i>
Semasa Perlawanan	<i>Out, in, foul, play, long ball, smash, drop shot, go, back, jumping, servis, shuttle, ready, target, defend, attack, sharp, first game, second game, try.</i>
Selepas Perlawanan	<i>Warm down, steady, good.</i>

JADUAL 8

Contoh Terminologi BI Modul PJB-lisan bagi Kemahiran Sukan Sepak Takraw

PERALATAN & MASA	TERMINOLOGI DALAM SUKAN SEPAK TAKRAW
Peralatan	<i>Stokin, jersey, court, net, line.</i>
Sebelum Perlawanan	<i>Training, couch, game, tactical, player, under, stretching, warm up, referee, good luck, killer, feeder & lineman.</i>
Semasa Perlawanan	<i>Out, in, foul, play, high ball, blocking, setting, drop shot, cross, go, back, jumping, servis, ready, target, defend, attack, hand ball, lose, sharp, first set, second set, try.</i>
Selepas Perlawanan	<i>Warm down, steady, good, happy, cool.</i>

Terminologi BI Modul PJB-lisan bagi Kemahiran Lisan BI

JADUAL 9

Contoh Terminologi BI yang Diketahui dan Diguna pakai Sampel

PERKARA	TERMINOLOGI BAHASA INGGERIS
Nombor, Warna & Arah	<i>One, two, three &...ten, white, black, red, yellow, &... left, right, back, up, down.</i>
Perbuatan	<i>Do, go, back, jump, speed, shut, heading, play, bad mood, clear, passing, warm up, warm up, undo, run, still, shopping, stress, tension, turn, Give, eat, drink, parking, teach, learn, walk, run, sit, study, move</i>
Penyataan	<i>Good, steady, skill, relax, stick, yes, no, oriat, on, off, game, out, in, training, problem, angel, accident, colour, thank you, happy, positive, negative, active, left, right, ok, orait, tactic, game, training, searching,</i>

	<i>touch, and go, steady, body, sale, promotion, system, technology,</i>
Panggilan	<i>I, you, me, teacher, sir, couch, referee, doctor, police, postman, bomba, brother, sister, mother, father, driver, muslim,</i>

JADUAL 10

Contoh Terminologi BI yang Diketahui dan Diguna pakai Sampel

PERKARA	TERMINOLOGI BAHASA INGGERIS
Benda	<i>Gate, market, post office, telephone, t-shirt, colour, pencil, beg, pen, book, rubber, stop watch, skipping, carpet, School, house, river, rock, ball, tape, class, paper, traffic light</i>
Kenderaan	<i>Durian, rambutan,</i>
Tumbuhan	<i>Car, Lorry, bicycle, motorcycle, boat, helicopter, jet, rocket, taxi, jet ski,</i>
Sukan	<i>Camping, hockey, squash, badminton, pantenq, gymnastic, sepak takraw, tennis, golf, sahibba, carom, bowling,</i>

JADUAL 11

Contoh Terminologi BI Yang Mudah dan Diguna pakai Sampel

PERKARA	TERMINOLOGI BAHASA INGGERIS
Benda	<i>School, house, river, rock, ball, tape, class, paper, traffic light</i>
Perbuatan	<i>Give, eat, drink, parking, teach, learn, walk, run, sit, study, move</i>
Penyataan	<i>The, is, a, and, before, after, this, to, from, but, come, now, to, for</i>
Panggilan	<i>Man, women, boy, girl, am, friend, your, sir, teacher,</i>

Pembentukan Terminologi BI-lisan Berorientasikan PdPc PJ

Hasil dari terminologi kejurulatihan sukan, murid berkomunikasi menggunakan BI-lisan dengan membentuk ayat mudah. Pembentukan ayat mudah dipengaruhi oleh tahap pengetahuan sedia ada sampel. Terminologi ayat mudah sukan dipraktikkan semasa sesi PdPc PJ dengan bantuan guru yang mengajar. PdPc BI-lisan berkesinambungan ke bilik darjah terutama semasa PdPc BI. Guru BI mempraktikkan terminologi ayat sukan ke terminologi ayat normal seperti yang diterjemahkan dalam jadual 12 di bawah.

JADUAL 12

Pembentukan Terminologi BI-lisan Berorientasikan PdPc PJ

TERMINOLOGI MUDAH	TERMINOLOGI SUKAN	TERMINOLOGI PdPc BI
<i>Give ball</i>	<i>Sir, give me the ball</i>	<i>Sir, give me the book</i>
<i>Take ball</i>	<i>Mat, you take my ball</i>	<i>Mat, you take my pen</i>
<i>Kick ball</i>	<i>Syahmi, you kick the ball</i>	<i>Syahmi, kick the door</i>
<i>You turn</i>	<i>Boy, you turn left and cross</i>	<i>Boy, you turn left dan go back</i>
<i>Pass ball</i>	<i>Rafaei pass the ball</i>	<i>Rafaei, pass the letter to me</i>
<i>White ball</i>	<i>Pass the white ball to me</i>	<i>Pass the white paper to tabrani</i>
<i>I skipping</i>	<i>Sir, I skipping now</i>	<i>I am reading in this class</i>
<i>I striker</i>	<i>I am striker in my team</i>	<i>I am teacher in this school</i>
<i>You defender</i>	<i>You play defender</i>	<i>You play in this room</i>

Hukum dan Prinsip Pelaksanaan Modul PJBI-lisan

1. **Wajib** menggunakan BI-lisan dalam PdPc PJ tetapi boleh menggunakan BM jika perlu bagi tujuan pemahaman terhadap murid.
2. **Wajib** menggunakan BI-lisan dalam PdPc PJ tetapi **diharuskan** menggunakan BI-lisan dalam PdPc PK.
3. **Wajib** menggunakan lisan BI semasa PdPc PJ tetapi **diharuskan** menggunakan BM dalam kemahiran menulis nota.

4. Guru PJ perlu menggunakan terminologi yang diketahui murid, menggunakan terminologi yang paling mudah dan senang difahami.
5. Guru perlu menggunakan ayat-ayat BI-lisan yang mudah dan ringkas agar tidak menyukarkan murid memahami arahan yang diberikan.
6. Pelajar *wajib* menggunakan terminologi BI-lisan sewaktu PdPc PJ berlangsung walaupun berlaku kesilapan dan guru PJ sentiasa memberi pujian kepada murid yang mencuba menggunakan berbahasa BI-lisan.

Keunikan Modul PJBI-lisan

1. Murid lebih berminat PdPc PJ yang melibatkan aktiviti sukan.
2. Dalam sukan & permainan banyak terminologi dalam BI digunakan.
3. Banyak terminologi BI dalam aktiviti sukan yang diketahui murid.
4. Modul PJBI-lisan menggunakan perkataan BI yang mudah dan ringkas.
5. Modul PJBI-lisan hanya memfokuskan kemahiran lisan BI.
6. Penggunaan terminologi dan ayat BI yang mudah – guru senang mengajar.
7. Penggunaan terminologi dan ayat BI yang mudah – murid senang belajar.
8. Murid dapat mempelajari kemahiran BI dalam PdPc PJ.
9. Wujud kombinasi PdPc yang berkesan dalam mata pelajaran PJ dan BI.

Implikasi Pembentukan Modul PJBI-lisan

1. Penerapan kemahiran BI-lisan dapat diwujudkan dalam PdPc PJ.
2. Penggunaan BI-lisan dalam PdPc PJ menjadikan lebih berprestij.
3. Membudayakan guru dan pelajar menggunakan BI-lisan di sekolah dan luar sekolah.
4. Meningkatkan kualiti penggunaan BI-lisan terhadap murid dan guru.
5. Meningkatkan pencapaian ujian kemahiran lisan (PMR) BI murid.
6. Memartabatkan mata pelajaran PJPK dalam dunia pendidikan.

Falsafah Modul PJBI-lisan.

1. Semakin kerap sebutan terminologi BI-lisan digunakan, semakin lancar kemahiran lisan BI-lisan.
2. Semakin lancar kemahiran BI-lisan, semakin tinggi tahap penguasaan lisan BI.
3. Semakin tinggi tahap penguasaan BI-lisan, semakin banyak ayat mudah BI-lisan akan terbentuk.
4. Semakin banyak ayat mudah BI-lisan terbentuk, semakin banyak tercipta terminologi dan ayat-ayat BI yang lebih kompleks.
5. Semakin tinggi penguasaan BI-lisan murid maka semakin mudah murid menguasai pelbagai kemahiran dalam PdPc BI.

Analisis Data Kajian

Dalam kajian ini pengkaji ingin melihat tahap keberkesanan program kajian yang dijalankan. Oleh yang demikian data yang diperlukan adalah dengan mengenalpasti perbezaan terhadap sampel kajian. Pada peringkat permulaan analisis, pengkaji menggunakan item peratus (%) dan kolerasi (r) bagi melihat keberkesanan program yang dijalankan. Analisis kolerasi digunakan bagi mengenalpasti nilai hubungan sampel dengan program kajian. Walau bagaimanapun bagi mengenalpasti perbezaan keberkesanan yang lebih signifikan terhadap program yang dilaksanakan, pengkaji menggunakan analisis statistik ujian-t dengan menggunakan program *SPSS Vision 21*.

Menurut Ball, K., Parrington, L. dan Hall, B. (2015), untuk mengenalpasti tahap perbezaan keberkesanan antara dua sampel dalam sesuatu program kajian analisis statistik ujian-t adalah item analisis statistik yang relevan. Skala yang digunakan dalam analisis data hanya melibatkan dua elemen nilai iaitu nilai 1 = GAGAL dan nilai 2 = LULUS. Terdapat 264 data sampel dianalisis untuk mengenalpasti perbezaan keberkesanan ujian program kajian yang dijalankan.

JADUAL 2

Analisis Ujian Sebelum Intervensi dan Ujian Selepas Intervensi Sampel Kajian Mengikut Peratus

N	Ujian	SG	%G	SL	%L	%BLG	R
264	<i>Pre Test</i>	159	60.2	105	39.8	20.4	G
264	<i>Post Test</i>	41	15.3	223	84.5	69.2	L

Catatan : N=jumlah, SG=sampel gagal, G=gagal, SL=sampel lulus, L=lulus, BLG=beza lulus gagal, R=result

Hasil dapatan analisis statistik deskriptif ujian soalan kajian sampel ujian sebelum intervensi mendapati terdapat 159 sampel gagal dalam ujian dengan nilai peratus = 60.2%. Manakala bilangan sampel lulus dalam ujian sebelum intervensi adalah 105 sampel dengan nilai peratus lulus = 39.8%. Dalam ujian selepas intervensi seramai 41 sampel gagal ujian dengan nilai peratus gagal = 15.3%. Manakala jumlah sampel lulus pada ujian post test adalah 223 sampel dengan nilai peratus = 84.5%. Pada ujian sebelum intervensi ujian kajian menunjukkan nilai peratus sampel gagal mendominasi keputusan ujian dengan nilai BLG = 20.4%. Tetapi selepas ujian selepas intervensi dilaksanakan berlaku peningkatan yang ketara dari segi peratus lulus sampel dengan nilai BLG = 69.2%. Ujian selepas intervensi juga menunjukkan sampel lulus mendominasi keputusan ujian kajian.

JADUAL 3

Analisis Kolerasi Sampel dalam Ujian Sebelum dan Selepas Intervensi

N	Ujian	r	sig.
264	<i>Pre Test + Post Test</i>	0.632	.003

Catatan : Nilai kolerasi (*r*) maksimum = 1, signifikan pada aras $p < .005$.

Dalam kajian ini analisis kolerasi dilakukan bagi mengenalpasti nilai perhubungan terhadap program kajian yang dijalankan. Jadual 3 menunjukkan analisis kolerasi dengan nilai [N (264): $r = 0.332$, $sig = .001$]. Kajian kolerasi menunjukkan terdapat hubungan yang signifikan ($sig. = .001$) dalam kajian yang dijalankan. Walau bagaimanapun nilai $r = 0.332$ adalah nilai yang rendah. Nilai ini berlaku akibat dari dua skala mudah iaitu skala GAGAL dan skala LULUS. Semakin sedikit skala yang digunakan dalam kajian semakin kurang tepat nilai menghasilkan dapatan analisis sesuatu kajian (Othman Talib, 2013).

JADUAL 4

Analisis Ujian-t Sampel Kajian

Ujian	N	M	SD	SEM	t	df	Sig.
Pre test + Post Test	264	-.44	0.51	0.03	-14.251	263	.001

*Signifikan pada aras $p < .005$.

Keputusan statistik ujian-*t* menunjukkan terdapat perbezaan yang signifikan dalam semua program kajian BI-L yang dijalankan. Analisis ujian sebelum intervensi + ujian selepas intervensi dengan sampel $N=264$ menunjukkan nilai $t = [t (263)] = -14.251$, $p < .005$. Keputusan ujian-*t* bagi ujian kajian terhadap sampel ujian sebelum intervensi dan ujian selepas intervensi adalah signifikan $p < .001$. Ini menunjukkan terdapat perbezaan yang signifikan pada program BI-L yang dilaksanakan selama lapan minggu terhadap murid tingkatan satu dalam kemahiran BI-L. Peningkatan BI-L ini mampu meningkatkan prestasi dalam PdPc mata pelajaran BI kepada murid. Hasil analisis kajian ini bersamaan dengan kajian yang dilakukan oleh Aliza & Zamri (2013) terhadap murid-murid prasekolah.

Ini menunjukkan bahawa modul PdPc Pj dapat membantu meningkatkan prestasi kemahiran BI-L murid tingkatan satu dan dua. Oleh yang demikian modul BI-L ini amat sesuai untuk diguna pakai dalam PdPc PJ bagi meningkatkan prestasi mata pelajaran Bahasa Inggeris terutama dalam kemahiran lisan. Modul ini juga membantu murid lemah mempelajari asas kemahiran menulis dalam Bahasa Inggeris melalui penulisan perkataan dan ayat-ayat mudah dalam Bahasa Inggeris serta membantu membudayakan guru PJK menguasai kemahiran lisan BI.

DAPATAN KAJIAN

Sebelum program pengajaran dan pembelajaran Pendidikan Jasmani dalam Bahasa Inggeris dijalankan selama lapan minggu hasil kajian mendapati murid tingkatan satu dan dua SMKDMPR2 mempunyai tahap penggunaan BI-L yang rendah dengan jumlah gagal $N=159$ murid (60.28%) dan jumlah lulus $N=105$ murid (39.8%) dalam ujian kajian (*pre test*) yang dilakukan. Walau bagaimanapun setelah mengikut PdPc PJ dalam BI terdapat penurunan murid gagal 41 (15.3%) dan peningkatan lulus yang tinggi 223 (84.5%). Ini menunjukkan program PJ dalam BI-Lisan telah berjaya meningkatkan prestasi kemahiran lisan dalam kalangan responden kajian.

Hasil dapatan kajian mendapati ujian sebelum intervensi + ujian selepas intervensi responden seramai N=264 menunjukkan nilai $t = [t(263)] = -14.251, p < .005$. Keputusan ujian-t bagi ujian kajian terhadap sampel *pre test* dan *post test* adalah signifikan $p < .001$. Ini menunjukkan bahawa modul PdPc PJ dapat membantu meningkatkan prestasi kemahiran BI-L murid tingkatan satu dan dua. Oleh yang demikian program PJ dalam BI-Lisan amat sesuai untuk diguna pakai dalam PdPc PJ bagi meningkatkan prestasi mata pelajaran Bahasa Inggeris terutama dalam kemahiran lisan. Ini membuktikan bahawa penerapan terminologi sukan yang terdapat dalam mata pelajaran PJ mampu membantu meningkatkan kemahiran BI murid.

Hasil dapatan kajian keseluruhan yang dikenalpasti menunjukkan terdapat keberkesanan dalam program kajian PdPc PJBI-lisan terhadap murid. Melihat kepada kejayaan program tersebut pengkaji membentuk satu modul PdPc Pendidikan Jasmani Bahasa Inggeris-Lisan (PJBI-L). Modul ini akan menjadi panduan dan rujukan khasnya kepada guru-guru PJ dan BI. Modul PJBI-L juga boleh diguna pakai oleh guru-guru tadika, pra sekolah, sekolah rendah, sekolah pendidikan khas dan di pusat pengajian tinggi. Ini kerana program ini adalah bertujuan untuk memartabatkan mata pelajaran PJ dan membudayakan penggunaan BI dalam kalangan murid sekolah dan pelajar institusi pengajian tinggi di seluruh negara.

Cadangan dan Rumusan Kajian Modul PJBI-lisan

Pembentukan Modul PJBI-lisan menjadi perintis kepada pembinaan modul yang lebih baik bagi memartabatkan mata pelajaran PJ disamping memperkasakan penggunaan BI dalam kalangan murid. Oleh itu terdapat beberapa cadangan yang perlu ditambahbaik bagi memartabatkan mata pelajaran PJPK dan meningkatkan pencapaian kemahiran BI. Antara cadangan seperti memperluaskan penggunaan Modul PJBI-lisan peringkat tadika, sekolah dan Institut Pendidikan Guru (IPG). Walau bagaimanapun pelaksanaan Modul PJBI-lisan ini perlu bermula di peringkat akar umbi. Program yang mencapai objektif akan bermula di peringkat akar umbi dan memerlukan jangka masa yang signifikan (Berahim, 2014).

Di peringkat pendidikan awal kanak-kanak, guru perlu menggunakan terminologi BI yang sering digunakan oleh kanak-kanak seperti *servis, play, game, start, good, happy, bye, thank you, you, I*, dan sebagainya. Proses pendidikan awal kanak-kanak lebih mengutamakan aspek permainan. Oleh yang demikian guru Tadika perlu menerapkan Modul PJBI-lisan dalam sesi PdPc di pusat tadika. Lakukan tindakan latihan tubi akan membentuk lakuan perlaziman seseorang (Ahmad Hashim, 2015).

Kesinambungan kajian Modul PJBI-lisan boleh dilakukan pada kemahiran lain BI seperti kemahiran menulis dan membaca terminologi BI-lisan dengan betul dan tepat. Jika seseorang murid mempunyai kemahiran lisan yang betul, murid tersebut juga tidak mempunyai masalah untuk belajar kemahiran menulis dan membaca BI dengan betul dan tepat (Noradzleena, 2021). Murid yang dapat menguasai kemahiran lisan, menulis dan membaca BI dengan baik, mampu meningkatkan prestasi mata pelajaran BI (Sanjaya & Wina, 2013).

Kajian berkaitan Modul PJBI-lisan mampu dikembangkan kepada mata pelajaran Pendidikan Kesihatan (PK). Ini kerana dalam PK terdapat banyak terminologi BI yang sering digunapakai dan diketahui murid-murid seperti *stress, vitamin, conflict, camp, protein, carbonydrate, tention, sex* dan sebagainya. Jika terdapat modul berkaitan dengan terminology PdPc PK pasti mata pelajaran PJPK akan menjadikan BI sebagai bahasa pengantar dalam PdPc PJPK. Situasi mampu memartabatkan mata pelajaran PJPK di mata guru-guru akademik. Sesetengah sekolah menjadikan mata pelajaran PJPK sebagai mata pelajaran tangkap muat untuk memenuhi jadual waktu PdPc sekolah (Syed Kamaruzaman Syed Ali & Julismah Ali, 2014) dan mata pelajaran PJPK diberikan kepada guru-guru yang bermasalah di sekolah.

Hasil kajian mendapati terdapat peningkatan dalam ujian kajian BI-lisan setelah murid mengikuti program kajian yang dijalankan. Kajian hanya mengenalpasti keberkesanan program kajian terhadap murid sahaja. Guru PdPc PJ adalah sebagai pembantu pengkaji. Tiada data analisis dikumpulkan terhadap guru PJ yang melaksanakan PdPc kajian. Implikasi hasil kajian mendorong pengkaji mengemukakan satu modul PdPc kepada guru PJ. Pembentukan Modul PJBI-lisan merupakan salah satu bahan rujukan atau panduan untuk melaksanakan PdPc PJ menggunakan kemahiran BI-lisan di sekolah.

Objektif kajian dan modul PJBI-lisan dibentuk berfokuskan kepada tiga aspek iaitu ingin memartabatkan mata pelajaran PJPK, membudayakan penggunaan BI-lisan dan meningkatkan prestasi pencapaian mata pelajaran BI di sekolah rendah dan menengah. Ini kerana penggunaan BI merupakan satu kemestian bagi menempuh kehidupan dunia yang lebih sempurna. Di samping itu juga Modul PJBI-lisan diwujudkan bagi mendedahkan kepada murid-murid tentang terminologi-terminologi yang diguna pakai dalam arena kejurulatihan sukan.

Penghasilan Modul PJBI-lisan diharapkan mampu menjadi penyumbang kecil dalam dunia pendidikan negara. Hal ini juga sebagai langkah membantu negara mencapai hasrat murni pihak KPM memperkasakan BI dan sekali gus memartabatkan PdPc PJ dalam dunia pendidikan. Selain itu, kajian ini juga dibentuk bagi menyahut seruan

Pengarah KPM Dr. Habibah, (2021) kepada dunia pendidikan yang berhasrat memperkasakan penggunaan BI dalam kalangan murid, pelajar, guru dan masyarakat amnya. Namun, tanpa kerjasama dari pihak-pihak yang terlibat sudah pasti Modul PJBI-lisan tidak akan mencapai matlamatnya.

RUJUKAN

- Ahmad Hashim. (2015). *Pengujian Pengukuran Dan Penilaian Pendidikan Jasmani*: Selangor, Malaysia: Dobook Press Sdn Bhd.
- Aliza Ali. (2012). *Pemahaman dan persepsi guru tentang penggunaan kurikulum berasaskan main bagi perkembangan bahasa murid prasekolah*. Tesis sarjana pendidikan. Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Aliza Ali & Zamri Mahmod. (2014). Pembangunan modul pendekatan berasaskan bermain bagi pengajaran dan pembelajaran kemahiran bahasa kanak-kanak prasekolah. *Prosiding Seminar Pascasiswazah Pendidikan Bahasa Melayu dan Kesusasteraan Bahasa Melayu Kali Ke-3, 253-266*. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia, Fakulti Pendidikan.
- Berahim. M. & Kassim, M. (2014). *Football Training Development Program Under-15 State Level*. Centre for Coaching Science: National Defense University of Malaysia, Malaysia.
- Othman Talib. (2013). *Asas Penulisan Tesis Penyelidikan & Statistik*. Serdang, Malaysia: Universiti Putra Malaysia Press.
- Chung, I. & Huang, Y. (2010). English is not easy, but I like it! An exploratory study of English learning attitudes amongst elementary school students in Taiwan. *Educational Studies, 36*(4), 441- 445.
- Crystal, D. (2013). *The Story of English in 100 Words*. London, UK: Picador.
- Crystal, D. (2015). *Wordsmiths and Warriors: The English-Language Tourist's Guide to Britain*. London, UK: Oxford University Press.
- Fauziah Mohd. Jaafar. (2009). *Kepentingan Aktiviti Bermain di dalam Pendidikan Prasekolah*. Dimuat turun daripada <http://www.fp.utm.my/medc/journals/vol3/30>.
- Illeris, K. (2018). *Learning, Development and Education: From Learning Theory to Education and Practice*. London, UK: Routledge.
- Kementerian Pendidikan Malaysia. (2013). *Kurikulum Standard Sekolah Rendah, 1–56*. Bahagian Kurikulum, KPM. Retrieved from www.moe.gov.my (Diakses pada 21 Mei 2018).
- Kementerian Pendidikan Malaysia. (2014). *Elemen KBAT dalam Pedagogi. Bahagian Pembangunan Kurikulum*. Bahagian Kurikulum. KPM. <https://doi.org/10.1007/s13398-014-0173-7.2> (diakses pada 4 April 2018).
- Lim, K.S. (2009). *Cabinet decision on EteMS (PPSMI): A raw deal*. Petaling Jaya: Graphic Tech (M) Sdn. Bhd.
- Liu, J., Chang, Y., Yang, F. and Sun, Y. (2011). Is what I need what I want? Reconceptualising college students' needs in English courses for general and specific/academic purposes. *Journal of English for Academic Purposes, 10*(4), 271-280.
- Mallory, J. P. (2005). *In Search of the Indo-Europeans*. London, UK: Thames & Hudson.
- Maslow, A. (1954). *Motivation and personality*. New York, USA: Harper.
- Mohd Sidek Noah & Jamaluddin Ahmad. (2005). *Constructing Module. Ways in development an academic and practical module*. Serdang: Universiti Putra Malaysia Press.
- Newsletter PRIORITA Skuen. (2014). Media komunikasi untuk mendorong pembaharuan, menciptakan peluang kemajuan, dan membuka akses 11 pendidikan dasar yang berkualitas. Jawa Barat, Indonesia: USAID PRIORITAS, (9-10).
- Ngo, H., Spooner-Lane, R. & Mergler, A. (2015), 'A comparison of motivation to learn English between English major and non-English major students in a Vietnamese university. *Innovation in Language Learning and Teaching, 11*(2), 188-202.
- Noradzleena Wahab. (2021). *Keberkesanan Kaedah Gabung Bunyi Kata (KGBK) Terhadap Pencapaian Kemahiran Membaca Bahasa Melayu Dalam Kalangan Murid Pemulihan Khas*. Tesis Sarjana Pendidikan Pemulihan Khas. Fakulti Pembangunan Manusia, Universiti Pendidikan Sultan Idris.
- Nor Hashimah Jalaluddin. (2005). Penerimaan pengajaran Sains dan Matematik dalam bahasa Inggeris: konflik antara dua darjat. Dlm *Suara Pejuang Bangsa*. Editor Abdul Rahim Bakar & Awang Sarian..m.s 5. Hulu Kelang: Persatuan Linguistik Malaysia.
- Piaget, J. (1951). *Play, dreams and imitation in childhood*. London, UK: Routledge & Kegan Paul.
- Rashidah Rahmat. (2013). *Pembangunan dan penilaian pakej pembelajaran mudah alih Komsas dalam bahasa Inggeris Tingkatan Empat*. Tesis PhD, Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Riduan Abu Shah, (2016). *Teknik Awalan Bola Sepak*. Selangor, Malaysia: DNA Marketing Enterprise.
- Ringe, D. R. & Taylor, A. (2014). *The Development of Old English - A Linguistic History of English, vol. II*, London, UK: Oxford Press.
- Ruhana Zainuddin. (2002). Penggunaan bahasa Inggeris dalam P&P Matematik dan Sains: apakah persepsi guru-guru? *Makalah Persidangan Kebangsaan Pendidikan Matematik 2002*. Universiti Pendidikan Sultan Idris, Oktober 2002.

- Sanjaya, W. (2013). *Strategi Pembelajaran: Berorientasi Standar Proses Pendidikan*. Jakarta, Indonesia: Kencana Prenadamedia Group.
- Syed Kamaruzaman Syed Ali & Julismah Ali. (2014). Efikasi Kendiri Guru Pendidikan Jasmani Terhadap Pelaksanaan Pengajaran Mata Pelajaran Pendidikan Jasmani. *Jurnal Kurikulum & Pengajaran Asia Pasifik*, 2(3), 4-6.
- Von Glaserfeld, E. (1989). Constructivism in Education. In T. Husen and T.N. Postlethwaite (eds.), *The International Encyclopedia of Education, Supplement*. New York, USA: Pergamon Press.